

20/11/1999

PM China mulakan lawatan rasmi esok

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri China, Zhu Ronji akan mengadakan lawatan rasmi ke negara ini, Ahad ini bertujuan mengeratkan perpaduan dua hala antara kedua negara.

Persatuan Persahabatan Malaysia-China, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, lawatan rasmi itu adalah lanjutan daripada lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober lalu.

Katanya, dalam lawatan itu, kedua-dua negara dijangka menandatangani perjanjian kebudayaan.

"Perhubungan Malaysia dan China tidak seharusnya terhad kepada bidang politik, ekonomi, diplomatik dan perdagangan sahaja kerana kebudayaan juga tidak kurang pentingnya.

"Buat masa ini, bidang kebudayaan masih merupakan interaksi sehalu oleh China, justeru kita berharap dengan pertemuan ini, lebih banyak pertukaran kebudayaan diadakan antara kedua-dua negara," katanya.

Selain itu, katanya, pihaknya berharap China harus menggalakkan lebih ramai pelajarnya melanjutkan pendidikan di sini, begitu juga sebaliknya.

"Walaupun kedua-dua negara pernah menandatangani perjanjian dalam bidang pendidikan, ia masih perlu dipertingkatkan," katanya.

(END)